



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

24 JANUARI 2021

1. "Snowy kini kucing kesayangan Sultan Sharafuddin"
2. 9 lembu mati dilanggar di lebuh raya
3. Minta orang ramai dan PBT tangani dengan bijak isu haiwan terbiar- Sultan, Permaisuri Selangor dukacita
4. "Meat cartel bullying competitors"

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN PENILAIAN VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24.01.2021	METRO AHAD	LOKAL	13



SULTAN Sharafuddin meluangkan masa bersama kucing terbiar yang diambil untuk dipelihara di kediaman baginda.

'Snowy kini kucing kesayangan Sultan Sharafuddin'

Shah Alam: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin menzahirkan rasa dukacita berikutnya masih ada individu serta pihak tertentu sehingga berlaku kejarn terhadap haiwan terbiar.

Baginda berdua juga terkilan kerana masih ada yang tidak tahu kaedah terbaik untuk melindungi haiwan ini khususnya ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menerusi Selangor Royal Office, baginda berdua mewajahkan sekalian rakyat jelata khususnya di Selangor tidak mengabaikan tanggungjawab melindungi haiwan terbiar khususnya kucing dan anjing.

"Titah baginda, adalah sangat penting untuk kita semua memiliki sifat belas kasihan terhadap haiwan sebegini dan menjadikan tanggungjawab bersama untuk memberi mereka makan dan perlindungan, sama ada ketika dalam peliharaan atau pun apabila mereka berada di dalam habitat sendiri.

"Baginda berdua sendiri kini memelihara beberapa kucing terbiar yang sudah dikasi dan diberi perlindungan secukupnya.

"Ini termasuk Snowy, sekor kucing terbiar yang pada mulanya datang ke kediaman baginda empat tahun lalu untuk mencari makanan, namun diambil sebagai haiwan angkat atas inisiatif baginda sendiri.

"Snowy kini adalah kucing peliharaan kesayangan Sultan Sharafuddin dan menjadi peneman setia baginda," katanya, semalam.

Menurut Selangor Royal

Office lagi, Snowy dihantar ke doktor veterinar untuk dikasi dan dibersihkan sebagaimana kucing terbiar lain yang diambil untuk dipelihara.

"Selain Snowy, Tengku Permaisuri Norashikin yang juga Penaung Diraja kepada program *Stray Free Selangor (SFS)* kendalian Society For The Prevention of Cruelty To Animals (SPCA Selangor) menyelamatkan lebih 100 kucing terbiar apabila kiranya 30 daripadanya dipelihara oleh baginda sendiri manakala selebihnya diberi sebagai haiwan angkat.

"Menurut baginda, dengan kaedah mengambil sebagai haiwan angkat, haiwan terbiar ini boleh menjadi haiwan peliharaan yang bersih dan menyenangkan jika kita memberi rawatan dan penjagaan yang rapi," katanya.



SALAH seekor lembu yang mati selepas dirempuh dua buah kendaraan di Kilometer 291.1 LPT2 berhampiran Kijal kelmarin.



BEGINILAH keadaan kereta jenis Volvo yang remuk selepas merempuh sekumpulan sembilan ekor lembu ketika melalui di LPT2.

Dua kereta remuk teruk, pemandu selamat di LPT2 berhampiran Kijal

9 lembu mati dilanggar di lebuh raya

* Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI
NIK ADNAN

KEMAMAN – Perbuatan tidak bertanggungjawab segelintir penterak melepaskan lembu memasuki Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) mengakibatkan dua buah kereta remuk selepas merempuh sembilan haiwan berkenaan kelmarin.

Kejadian pada pukul 8.30

malam di Kilometer 291.1 LPT2 berhampiran Kijal di sini itu berlaku apabila kumpulan lembu berkenaan tiba-tiba melintas ketika dua buah kereta jenis Volvo dan Proton Saga meluncur di jalan.

Kemalangan itu mengakibatkan kesemua haiwan berkenaan mati bergelimpangan dan ada yang tercampak beberapa meter dari lokasi dirempuh.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendant Han-yen Ramli berkata, sewaktu kejadian, kedua-dua kereta terlibat iaitu Proton Saga dan Volvo sedang menghala ke arah Kuala Terengganu dari Kuantan, Pahang.

"Sewaktu tiba di lokasi kejadian, kedua-dua kereta berkenaan gagal mengelak lalu merempuh kesemua sembilan

lembu yang berada di tengah-tengah laluan lebuh raya berkenaan.

"Impak daripada rempuhan itu menyebabkan bahagian hadapan dan belakang kereta Proton Saga yang dipandu seorang wanita berusia 28 tahun mengalami kerosakan teruk se-lain tangki air enjin kenderaan tersebut turut pecah," katanya merempuh kesemua sembilan

Hanya berkata, bahagian hadapan kereta Volvo dipandu seorang lelaki berusia 46 tahun yang berada di belakang juga remuk teruk akibat pelanggaran berkenaan.

Bagaimanapun katanya, kedua-dua pemandu dua kereta itu tidak cedera.

Hanya berkata, setakat ini pemilik kesemua lembu terabit masih belum dikenal pasti.

Minta orang ramai dan PBT tangani dengan bijak isu haiwan terbiar

Sultan, Permaisuri Selangor dukacita

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin menzahirkan perasaan dukacita apabila ada individu dan pihak tertentu sengaja berlaku kejam terhadap haiwan terbiar khususnya kucing dan anjing.

Baginda berdua terkilan apabila mereka tidak tahu kaedah terbaik untuk melindungi haiwan-haiwan tersebut khususnya ketika dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini.

Sultan Sharafuddin bertitah, adalah sangat penting untuk semua pihak memiliki sifat belas kasihan terhadap haiwan terbiar dan menjadi tanggungjawab bersama memberi makan dan perlindungan.

Telah baginda, ini termasuk sama ada ketika dalam peliharaan atau pun apabila haiwan itu berada di dalam habitat sendiri.

"Pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) juga harus lebih



SULTAN SHARAFUDDIN sering meluangkan masa bersama kucing-kucing terbiar yang kini telah diambil untuk dipelihara di kawasan kediaman baginda.

KUCING betina yang diberi nama Jacopo ini antara kucing terbiar yang diselamatkan oleh Tengku Permaisuri Norashikin.

proaktif dan bijak menangani isu haiwan terbiar ini secara holistik, dan bukan memberi gambaran buruk yang akhirnya akan menyebabkan haiwan-haiwan ini di kurung atau dibumuh.

"Beta mahu PBT menjadikan negara Turki sebagai model, bagaimana pihak berkuasa negara itu mengendalikan haiwan-

haiwan terbiar yang tidak berdosa ini daripada dizalimi," titah baginda dalam satu kenyataan dikeluarkan Istana Alam Shah di sini semalam.

Menerusi kenyataan itu juga, baginda berdua sendiri kini memelihara beberapa ekor kucing terbiar yang telah dikasi dan diberi perlindungan secukupnya termasuk seekor bernama Snowy yang menjadi kucing kesayangan dan peneman setia baginda.

Kucing terbiar itu pada mulanya datang ke kediaman Sultan Sharafuddin empat tahun lalu untuk mencari makanan, namun diambil sebagai haiwan angkat di atas inisiatif baginda sendiri.

"Selain Snowy, Tengku Permaisuri Norashikin yang juga Penaung Diraja kepada program Stray Free Selangor (SFS) kendaikan Society For The Prevention of Cruelty Animals (SPCA Selangor) telah menyelamatkan lebih 100 ekor kucing terbiar dengan kira-kira 30 ekor daripadanya dipelihara baginda sendiri, manakala selebihnya diberi sebagai haiwan angkat," titah baginda.

DIRTY TACTICS

'MEAT CARTEL BULLYING COMPETITORS'

It would find out price and quantity of meat imported by firms, then sabotage them

MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE meat cartel, which has been smuggling non-halal meat and mixing it with the halal variety prior to distribution in the local market, has been using a far bigger gameplan to ward off their competition.

The New Sunday Times has learnt that the meat cartel would go to the extent of "bullying" competitors, especially Bumiputera importers.

The cartel would control the local meat import market and sabotage other importers by playing the numbers game in setting prices to ensure that Bumiputera companies suffered losses.

This happens when the cartel companies lower the prices of meat while their competitors are in the midst of obtaining frozen beef supply from overseas, even before the containers hit our shores.

It is learnt the meat cartel syndicates would trace information on the price and quantity of the meat from abattoirs.

They would then conspire with other importers to set a low price for the imported beef in the country.

When this happens, clients of these Bumiputera importers would refuse to agree with the initial deals.

The clients would get their supply of meat from the cartel companies instead.

Muslim Halal Meat Importers



Muslim Halal Meat Importers Association of Malaysia president Datuk Mohd Noor Ali Akbar almost fell victim to the meat cartel's tactics 20 years ago. PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI



The meat cartel conspires with other importers to set a low price for imported beef, which results in Bumiputera importers suffering losses. PIC BY AZIAH AZMEEN

Association of Malaysia (HALMIM) president Datuk Mohd Noor Ali Akbar faced such a situation 20 years ago when he was sourcing his first meat consignment from India.

This proved how influential the meat cartel had been in controlling the local market in the past two decades.

Relating his experience, Noor said he almost suffered losses up to RM100,000 due to the involvement of the syndicate, which had managed to lower the price of imported frozen beef.

He said three containers of imported meat valued at RM380,000 were being shipped to the country.

"Then I got to know that the syndicate companies lowered the price by US\$10,000 per container, and that reduced the price of each container of meat by about RM38,000."

"I had sleepless nights for a week worrying about this, as this was my first major shipment for an established client."

They (the meat cartel) were

able to lower the price as it was not controlled by the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry at that time.

"It was a tense week for me and my wife. I would have suffered losses of nearly RM100,000 for my first shipment."

"However, I managed to get in touch with our counterpart from India and after negotiating, they agreed to sell it to us at the local price here," he told the New Sunday Times and Berita Harian recently.

Noor said he was initially against the idea of getting involved in the meat-import business, as the profit was relatively low compared with supplying local beef.

Before he began his business, he was advised not to get involved in it or disturb the syndicate.

However, he strove for two decades and now counts his blessings.

He often shares his experiences with other importers and helps Bumiputera companies whenever they face similar problems.

He also revealed that the syndicate companies would use the services of "tonto" to avoid getting caught by the authorities during raids or checks.

Noor suggested that approved permit (AP) holders for halal beef get formally registered under HALMIM.

He said this should also be made a requirement by the Department of Veterinary Services (DVS). This proposal, he said, would make it easier for the authorities to manage, trace and take action against meat importers if they were found to be involved in syndicates.

Noor said the DVS currently stipulated that a Sdn Bhd company could acquire the AP if it had a capital of RM100,000, freezers, lorries and workers to handle the meat.

"I strongly believe we can play a part in crippling the syndicate with the cooperation of our organisation."

HALMIM has 280 members comprising importers, exporters and distributors, with 50 of them possessing the AP.

Noor said there were around 300 AP holders in the country.

The NST frontpaged a report last month about the meat cartel, which had been in operation for more than 40 years.

Senior officers from no fewer than four government agencies were believed to be working hand

in glove with a cartel specialising in bringing non-certified meat into Malaysia and passing it off as halal-certified products.

These senior officers, entrusted with the responsibility of ensuring that halal standards were upheld, instead received money, and in some cases even women for sex as bribes in order to turn a blind eye to the cartel's operations and ensure that its activities went undetected.

Investigations by the Malaysian Anti-Corruption Commission have gathered pace with the arrests of 11 people so far in connection with the case, including five Malaysian Quarantine and Inspection Services Department officers, a delivery agent, and the directors and employees of two importing companies.

PRAYER TIMES						
	SUBUH	SURUQ	ZUHR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Melaka	6:12	7:23	1:26	4:48	7:25	8:38
Penang	6:23	7:33	1:33	4:55	7:28	8:41
K. Lumpur	6:16	7:25	1:28	4:50	7:25	8:39
Johor Baru	6:04	7:16	1:20	4:42	7:20	8:32
Kuantan	6:09	7:21	1:23	4:45	7:21	8:29
Ipoh	6:20	7:29	1:31	4:53	7:27	8:40